



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PEMAKLUMAN RASMI
KRISIS COVID-19: BILANGAN 08 TAHUN 2021**

**PEMAKLUMAN PENGGUNAAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG (UMP) DI UMP GAMBANG SEBAGAI PUSAT KUARANTIN COVID-19
NEGERI PAHANG.**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang telah memutuskan untuk menggunakan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP di UMP Kampus Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang bermula pada minggu depan hingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Penggunaan tersebut adalah berdasarkan kepada arahan Ketua Setiausaha Negara pada 16 Mac 2020 untuk menggunakan Institusi latihan Awam milik kerajaan sebagai Pusat Kuarantin Covid-19.
2. Sehubungan itu, dilampirkan surat pemakluman rasmi UMP dengan rujukan UMP.02.01/10.13/1/61 Jilid 8 (51) yang bertarikh 25 Mei 2021 berkenaan perkara diatas untuk makluman dan rujukan para pelajar.

Sekian Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.

PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 28 Mei 2021

Rujukan Kami : UMP.02.01/10.13/1/61 Jilid 8 (51)
Tarikh : 25 Mei 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Profesor/ Dr./ Tuan/ Puan

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) DI UMP GAMBANG SEBAGAI PUSAT KUARANTIN COVID-19 NEGERI PAHANG

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang telah memutuskan untuk menggunakan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang bermula pada minggu depan hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Penggunaan tersebut adalah berdasarkan kepada arahan Ketua Setiausaha Negara pada 16 Mac 2020 untuk menggunakan Institusi Latihan Awam milik kerajaan sebagai Pusat Kuarantin COVID-19.
3. Penggunaan Kompleks Sukan UMP di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang adalah disebabkan wujud keperluan untuk melaksanakan pemantauan rapi atau kuarantin bagi mengekang wabak COVID-19 yang sedang melanda negara pada ketika ini. Penggunaan Kompleks Sukan UMP di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang secara spesifik adalah bertujuan untuk menempatkan pesakit COVID-19 berisiko rendah susulan terdapat peningkatan yang ketara jumlah kes positif COVID-19 di Daerah Kuantan khususnya dan di Negeri Pahang amnya.
4. Pihak Jawatankuasa Bencana Negeri Pahang melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan memastikan keselamatan warga UMP yang berada di UMP Gambang melalui pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan Pusat Kuarantin COVID-19 tersebut.

...1/2

5. Di samping itu juga, pihak pengurusan universiti melalui Jawatankuasa Bertindak Bencana UMP dan Jawatankuasa Induk Bencana UMP akan memastikan tindakan pencegahan diambil berdasarkan SOP universiti dan SOP MKN bagi memastikan keselamatan warga UMP susulan penggunaan Kompleks Sukan UMP di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang.
6. Pejabat Pusat Sukan & Kebudayaan akan beroperasi di Aras 2, Bangunan B5, UMP Gambang sepanjang tempoh penggunaan Kompleks Sukan UMP di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang.
7. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Profesor/ Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk mengambil maklum berkenaan perkara tersebut dan memberikan penerangan kepada warga UMP di jabatan masing-masing berkenaan justifikasi penggunaan Kompleks Sukan UMP di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang.
8. Semoga penggunaan Kompleks Sukan UMP di UMP Gambang sebagai Pusat Kuarantin COVID-19 Negeri Pahang akan dapat membantu negara amnya dan Negeri Pahang khususnya bagi mengekang wabak COVID-19.


Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan